KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

23 FEBRUARI 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
23 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

- Utusan Malaysia ☐
- Berita Harian ☒
- Metro ☐
- Kosmo! ☐
- Sinar ☐
- Star ☐
- New Straits Times ☐
- 南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
- 東方日報 Oriental Daily News ☐
- Utusan Borneo ☐
- The Borneo Post ☐
- New Sabah Times ☐

Sidang Dewan Rakyat

Hanya pekebun kecil layak Bantuan Musim Tengkujuh

RISDA giat laksana pemutihan data pastikan golongan sasar dapat manfaat tahun ini

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Suzalina Halid dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hanya pekebun kecil yang memenuhi kelayakan ditetapkan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) akan diberikan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata ia susulan RISDA giat melaksanakan pemutihan data pekebun kecil tahun ini bagi mendapatkan jumlah terkini golongan itu, di seluruh negara.

"Hanya mereka yang layak diberikan BMT dan kita tidak mahu mereka tidak layak menerima kerana tidak sepatutnya mereka masuk dalam senarai.

"Justeru, dalam usaha memastikan golongan bersasar menerima bantuan sewajarnya, RISDA kini sedang giat melaksanakan pemutihan data pekebun kecil pada 2023 bagi mendapatkan data terkini," katanya pada sesi penggulungan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja bagi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), di Dewan Rakyat, semalam.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, berkata RISDA komited melaksanakan bimbingan dan latihan Amalan Pertanian Baik (GAP) kepada pekebun supaya dapat meningkatkan hasil getah yang optimum.

BMT dibayar dua bulan

Beliau berkata, BMT tahun lalu dilaksanakan secara bersasar sebanyak RM800 seorang dan dibayar dalam tempoh musim tengkujuh iaitu RM300 sebulan bagi dua bulan pada November dan Disember 2022 serta RM200 pada Januari lalu.

"Seramai 279,946 orang pekebun kecil dan penoreh sudah menerima insentif ini berdasarkan syarat kelayakan yang sudah ditetapkan iaitu warganegara Malaysia, pekebun kecil yang berdaftar dengan RISDA atau Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS).

"Syarat lain ialah memiliki tanah bertanam getah atau menoreh di kebun getah yang berkeluasan 2.5 hektar ke bawah dan bagi lot yang berkongsi pemilikan, hanya seorang sahaja yang layak memohon.



Penoreh miliki Kad Permit Autoriti Transaksi Getah layak terima Bantuan Musim Tengkujuh. (Foto hiasan)

"Bagi kategori penoreh getah, terhad kepada mereka yang memiliki Kad Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G) iaitu satu dokumen pengenalan kepada pekebun kecil getah warganegara Malaysia yang memiliki atau mengusahakan kebun getah dan aktif melakukan transaksi penjualan getah sahaja," katanya.

Beliau berkata, latihan GAP yang dilaksanakan merangkumi peringkat pembangunan sehingga peringkat pengeluaran hasil yang mana RM2.97 juta dibelanjakan pada 2021 dan 2022 bagi tujuan itu dengan 146,354 pekebun kecil menerima manfaat.

"Sementara bagi 2023, sejumlah RM1.10 juta diperuntukkan dengan seramai 40,799 pekebun kecil disasarkan menerima manfaat," katanya.

Beliau berkata, RISDA juga akan mewujudkan depoh pengeluaran lateks bagi memenuhi permintaan domestik.

TARIKH:
23 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

Utusan Malaysia [X]
Berita Harian [ ]
Metro [ ]
Kosmo! [ ]
Sinar [ ]
Star [ ]
New Straits Times [ ]
南洋商報 Nanyang Siang Pau [ ]
東方日報 Oriental Daily News [ ]
Utusan Borneo [ ]
The Borneo Post [ ]
New Sabah Times [ ]

Tolak persepsi TVET bidang kelas kedua, kerjaya 3D

NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED



PUSAT-PUSAT TVET perlu menjalin kerjasama strategik dengan pihak industri untuk memudahkan graduan mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian. – UTUSAN/AMIR KHALID

LANGKAH kerajaan menubuhkan satu sekretariat tetap sebagai penyelaras pengajian Latihan Pendidikan Vokasional dan Teknikal (TVET) di negara ini adalah tepat pada masanya. Hal ini kerana menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, ketika ini terdapat 12 kementerian berbeza mengendalikan sejumlah 1,295 pusat kemahiran TVET di seluruh negara mengakibatkan berlaku pembaziran peruntukan lebih RM6.7 bilion setiap tahun apabila lebih 6,000 kursus ditawarkan bertindih antara satu sama lain.

Tatkala kita memberi penekanan kepada kepentingan bidang TVET sebagai pemacu kerjaya masa hadapan, tidak wajar dibiarkan pertindihan serta pembaziran seperti ini berlaku. Malah Ahmad Zahid juga mendedahkan berlakunya isu perebutan pelatih baharu untuk masuk ke pelbagai pusat latihan selain masalah kemerosotan aspek kadar kebolehpasaran lepasan TVET.

Jelas keadaan ini menunjukkan ada beberapa kelemahan ketara dalam proses penawaran pengajian TVET di negara ini yang perlu ditangani segera. Saya percaya proses penyelarasan bakal dilaksanakan melalui sekretariat tetap yang diwujudkan mampu merungkai permasalahan ini secara menyeluruh.

Sekretariat ini diharap dapat melihat secara holistik pengajian TVET khususnya kursus yang ditawarkan agar relevan dan memenuhi keperluan sekarang dan masa hadapan.

Untuk itu, antara langkah awal perlu dilaksanakan oleh sekretariat ini ialah menilai semula semua kursus TVET sedia ada terutama di pusat latihan bermasalah bagi memastikan ia memenuhi keperluan negara. Ironinya, negara memerlukan lepasan TVET yang memiliki kemahiran khusus terutama bidang-bidang teknologi maklumat dan komunikasi, kejuruteraan, teknologi kimpalan serta perniagaan dan keusahawanan.

Walaupun kursus sedia ada sudah fokus kepada bidang-bidang tersebut, penekanan perlu diberikan terhadap silibus setiap kursus ditawarkan agar pada akhirnya kita dapat melahirkan graduan TVET yang memiliki kemahiran pintar dan tajam. Ringkasnya, biar sijil yang diperoleh melalui latihan secara teori dan praktikal boleh mengesahkan lepasan TVET bukan sahaja memiliki kemahiran dalam bidang masing-masing tetapi turut dilengkapi kualiti dan daya pemikiran kritis, pintar dan tajam.

Pasaran kerjaya masa hadapan dilihat sangat menitikberatkan graduan yang bukan sahaja ada kepakaran dalam bidang masing-masing tetapi lebih bijak, pintar dan tajam dalam mengaplikasikan kemahiran dimiliki. Justeru, silibus yang ada perlu dinilai dan dirombak mengikut kesesuaian supaya dapat melahirkan modal insan dimahukan oleh majikan dan negara.

Bagi mengelak pertindihan kursus yang ditawarkan pula, dicadangkan kerajaan membuat penetapan agar setiap pusat kemahiran TVET berfokus kepada kursus tertentu sahaja mengikut bidang kepakaran masing-masing. Ini bermaksud tiada keperluan setiap pusat kemahiran menawarkan pelbagai bidang atau terlalu banyak bidang, sebaliknya kita iktiraf setiap pusat kemahiran itu sebagai pakar bidang tertentu sahaja.

Dengan bilangan pusat kemahiran yang banyak, kita mampu membuat pengkhususan seperti ini dengan penetapan bidang mengikut pusat kemahiran. Ini kelihatan tidak sukar untuk dilaksanakan mengambil kira jaminan kerajaan bahawa tiada premis latihan akan ditutup. Malah penetapan seperti ini juga boleh mengatasi masalah perebutan pelatih baharu dalam kalangan pusat latihan.

MENGANGGUR

Satu lagi perkara penting perlu diberi perhatian ialah masalah kadar kebolehpasaran lepasan TVET yang dilaporkan merosot di bawah 50 peratus dalam kalangan pelbagai pusat kemahiran kecuali di 280 pusat TVET yang dikendalikan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dengan memperlihatkan kira-kira 98 peratus graduannya tidak menganggur.

Ini juga memerlukan kajian dan penilaian sewajarnya bagi mengetahui bagaimana keadaan ini boleh berlaku tatkala lepasan TVET sepatutnya menjadi rebutan majikan. Sekretariat perlu mengenal pasti punca graduan ini tidak laku dan segera mengambil langkah intervensi yang betul supaya tidak sia-siakan kelompok bakat TVET ini.

Dalam konteks ini, hubungan industri-pusat TVET perlu diperkasakan melalui situasi menang-menang. Pusat TVET perlu menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak industri supaya mereka boleh menjadi rakan penaja dan untuk itu pusat latihan perlu menawarkan kursus diperlukan oleh majikan tersebut. Ini sekali gus akan membantu graduan terus diambil bekerja oleh majikan terbabit.

Selain itu, dalam keadaan ekonomi tidak begitu memberangsangkan, kita tidak boleh membiarkan berlakunya pembaziran yang besar seperti RM6.7 bilion setiap tahun. Pihak sekretariat perlu teliti semula peruntukan yang disalurkan selama ini dan kenal pasti punca bagaimana pembaziran seperti ini boleh berlaku.

Secara umumnya, sudah tiba masanya program TVET terus diperkasa dan dijenamakan supaya dapat memenuhi ekspektasi para majikan serta keperluan industri pada masa akan datang.

Dalam hal ini, perlu ada ikhtiar untuk menarik lebih ramai golongan belia bagi mengikuti program TVET sebagai kerjaya pilihan masa hadapan mereka. Hal ini penting kerana kita perlu akui masih ramai dalam kalangan masyarakat beranggapan TVET adalah pilihan kedua ataupun terakhir dan hanya layak untuk individu kurang cemerlang dari segi pencapaian akademik.

Misalnya, tiada guna kita menyediakan banyak peluang latihan kemahiran andai golongan belia masih beranggapan ia bidang 'kelas kedua' atau termasuk dalam kategori sektor pekerjaan 3D (kotor, sukar, bahaya).

Jadi, sangat wajar pengajian TVET terus diperkasakan dan ini memerlukan komitmen, kerjasama dan iltizam semua pihak terbabit seperti agensi kerajaan, pusat latihan, majikan dan industri serta ibu bapa dan golongan belia itu sendiri.

Hakikatnya, kita perlu mengorak langkah ke hadapan untuk melihat hala tuju landskap dan pembangunan negara dalam pelbagai sektor sekurang-kurangnya untuk tempoh 20 atau 30 tahun akan datang. Hal ini penting kerana bukan mudah untuk mencapai dan mengekalkan status negara maju berpendapatan tinggi mengikut acuan kita dengan menggunakan kepakaran dan kemahiran anak tempatan.

Justeru, selain universiti, pusat-pusat latihan TVET perlu diangkat sebagai institusi latihan kepakaran cukup penting dalam mendidik, melatih dan membekalkan modal insan yang mahir serta memiliki pemikiran pintar dan tajam.

PENULIS ialah pentadbir universiti dan penganalisis isu semasa.

TARIKH:
23 FEBRUARI 2023
HALAMAN:
ONLINE

Utusan ☐
Berita Harian ☐
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☒
New Sabah Times ☐

National

Risda conducting data cleanup to ensure only eligible smallholders receive BMT

KUALA LUMPUR: The Rubber Industry Smallholders Development Authority (Risda) is actively updating its data to ensure only those who are eligible receive the Monsoon Season Aid (BMT), Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said.

"We do not want those who do not qualify to receive (the aid), and these people should not be on the list," he said when winding up the debate on the motion of thanks on the royal address at the Dewan Rakyat yesterday.

He was responding to a question raised by Zahari Kechik (PN-Jeli) who asked the government to review the list of BMT recipients so that the aid is given to rubber tappers in need.

Meanwhile, Ahmad Zahid, who is also Minister of Rural and Regional Development, said at least 10 Tahfiz-Technical and Vocational Education and Training (TVET) programmes will be created this year.

According to him, currently there are only three Tahfiz TVET programmes and his ministry will forge collaborations with various parties to expand such programmes.

Ahmad Zahid said the programmes would provide about 250,000 tahfiz students with more career options for their future.

Ahmad Zahid also said that the marketability rate of TVET graduates has shown an encouraging increase.

"For instance, 98.4 per cent of Universiti Kuala Lumpur (UniKL) TVET graduates managed to secure jobs (after completing their studies)," he said adding that this showed that the courses offered were able to meet the demand of labour markets. — Bernama

TARIKH:
23 FEBRUARI 2023

HALAMAN:

ONLINE

- Utusan Malaysia ☐
- Berita Harian ☐
- Metro ☐
- Kosmo! ☐
- Sinar ☐
- Star ☐
- New Straits Times ☐
- 南洋商報 Nanyang Siang Pau ☐
- 東方日報 Oriental Daily News ☐
- Utusan Borneo ☐
- The Borneo Post ☒
- New Sabah Times ☐

Risda laksana pemutihan data pekebun kecil

KUALA LUMPUR: Pihak Berkuasa Kemajuan Perusahaan Kecil Getah (Risda) sedang giat melaksanakan pemutihan data pekebun kecil pada tahun ini bagi mendapatkan data terkini pekebun kecil getah di seluruh Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata langkah itu bertujuan memastikan hanya mereka yang layak menerima Bantuan Musim Tengkujuh (BMT).

"Kita tidak mahu mereka yang tidak layak mengikut kategori yang telah ditentukan kementerian dan Risda akan menerima (bantuan) dan mereka ini tidak sepatutnya masuk dalam senarai," katanya ketika menggulung perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan dibangkitkan Zahari Kechik (PN-Jeli) yang memohon kerajaan mengkaji semula senarai penerima BMT supaya bantuan tersebut diberikan kepada penoreh getah yang benar-benar perlu dibantu berikutan terdapat pekebun kecil getah tidak aktif, masih mendapat bantuan tersebut.

Bagi BMT Tahun 2022, sejumlah RM800 seorang dibayar dalam tempoh musim tengkujuh iaitu masing-masing sebanyak RM300 bagi November dan Disember 2022 serta RM200 pada Januari tahun ini.

Sementara itu, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata sekurang-kurangnya 10 program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Tahfiz bakal diwujudkan di seluruh negara tahun ini.

Beliau berkata ketika ini, hanya terdapat tiga program TVET Tahfiz dan kementeriannya sedang berkolaborasi dengan pelbagai pihak untuk menambah luas program tersebut.

"Terdapat kira-kira 250,000 anak-anak di maahad tahfiz yang perlu dirungkaikan masa hadapan mereka dari segi peluang kerjaya walaupun mereka hafal 30 juzuk al-Quran," katanya. — Bernama